

15 MAR 1996

PERDANA MENTERI HADIR MAJLIS MAKAN MALAM

KUCHING, 15 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri jamuan malam di Dewan Bankuasi, Kompleks Dewan Undangan Negeri di Petra Jaya di sini.

Jamuan itu diadakan sempena lawatan rasmi Perdana Menteri ke Sarawak selama dua hari bermula hari ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Peter Chin Fah Kui.

Dr Mahathir merasmikan Persidangan Tahunan Majlis Hakim-hakim Malaysia pagi tadi dan bangunan Majlis Bandaraya Kuching Selatan yang berharga RM55 juta pada sebelah petang.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah menerima darjah Datuk Amar Bintang Kenyalang yang membawa gelaran Datuk Amar daripada yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Haji Ahmad Zaidi Adruce Mohammed Noor di Astana hari ini. --
BERNAMA

RDY AKD